

**SOALAN NO: 181**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**

**SOALAN:**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah wang dalam simpanan SOCSO bagi warganegara yang bekerja dari tahun 2000 sehingga September 2016 dan dimanakah wang disimpan apabila tidak dituntut oleh waris memandangkan ia dipotong daripada gaji pekerja walaupun gajinya di bawah garis kemiskinan. Mengapakah tidak dipulangkan terus kepada waris simati.**

**PR-1343-T77090**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. PERKESO di bawah Kementerian Sumber Manusia merupakan agensi yang diberi peranan dan tanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang Keselamatan Sosial bagi memastikan perlindungan keselamatan sosial masyarakat pekerja sentiasa

terbelia. Sehingga Disember 2015 keseluruhan dana adalah berjumlah RM23.8 billion.

2. Dana ini merupakan caruman daripada majikan sebanyak 1.75% dan caruman pekerja sebanyak 0.5%. Kumpulan Wang Keselamatan merupakan dana yang diamanahkan kepada PERKESO untuk mentadbir skim-skim keselamatan sosial menurut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 iaitu bagi mengadakan peruntukan mengenai keselamatan sosial dalam kontingensi yang tertentu dan bagi membuat peruntukan mengenai beberapa perkara lain yang berkaitan dengannya.

3. Insuran Keselamatan Sosial adalah berdasarkan prinsip '*pooling of resources and sharing of risk*'. Prinsip '*pooling of resources*' adalah untuk mengumpulkan semua caruman majikan dan pekerja bagi maksud memaksimumkan faedah dan mengurangkan risiko kepada pencarum. Jumlah caruman yang telah ditetapkan mengikut akta merupakan satu perkongsian risiko dengan semua pencarum bagi memastikan keselamatan sosial pekerja dan kesejahteraan pencarum terjamin. Dalam mencapai wawasan 2020 dan menuju ke arah Negara maju, prinsip keselamatan sosial ini menjadi penyumbang ke arah mewujudkan masyarakat penyayang.

182  
SOALAN NO. 183

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [ BATU KAWAN ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah penerima bantuan kebajikan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dari tahun 2000 sehingga September 2016 mengikut pecahan jantina, umur, kaum, ibu tunggal, ayah tunggal dan mengikut negeri dan jika Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan lagi peruntukan wang bagi golongan kurang bernasib baik ini. Jika tidak, mengapa.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan seperti keluarga kurang berkemampuan, warga emas, ibu tunggal atau bapa tunggal dan mangsa bencana. Mengikut statistik JKM hingga Jun 2016, jumlah penerima bantuan kebajikan adalah seramai **483,271** orang dengan perbelanjaan sebanyak **RM774.4** juta.

Bilangan penerima bantuan mengikut negeri dari tahun 2008 sehingga 2016 menunjukkan bahawa negeri Sarawak mempunyai bilangan penerima tertinggi. Statistik penerima bantuan bulanan JKM sehingga Jun 2016 menunjukkan seramai 57,443 orang penerima bantuan merupakan penerima bantuan di negeri Sarawak dengan bantuan berjumlah RM95 juta. Manakala negeri Sabah merupakan negeri kedua tertinggi iaitu

seramai 54,347 orang melibatkan bantuan berjumlah RM85 juta dan diikuti negeri Johor seramai 47,971 orang dengan bantuan berjumlah RM78 juta.

Bagi kumpulan etnik pula sehingga Jun 2016, kaum Melayu merupakan kumpulan etnik yang tertinggi iaitu seramai 258,894 orang penerima, diikuti kaum Cina seramai 78,632 orang penerima, kaum India 54,236 orang penerima, Peribumi Sabah 48,232 orang penerima, Peribumi Sarawak seramai 37,182 orang penerima, lain-lain 4,445 orang, manakala kumpulan etnik yang terendah adalah kumpulan Peribumi Semenanjung Malaysia iaitu seramai 1,650 orang.

Manakala, mengikut pecahan skim bantuan kewangan JKM, Bantuan Orang Tua (BOT) menunjukkan peratusan tertinggi berbanding skim yang lain. Sehingga Jun 2016, seramai 139,484 orang adalah penerima BOT, diikuti skim Bantuan Am (BA) iaitu sebanyak 108,763 orang. Manakala skim Bantuan Kanak-Kanak (BKK) seramai 81,015 orang.

Bagi memastikan kadar bantuan yang diberikan sentiasa relevan dengan keperluan semasa, KPWKM mengguna pakai kriteria kelayakan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa yang telah

ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk menentukan kelayakan menerima bantuan kebajikan.

Mulai 1 Januari 2016, JKM telah menggunakan PGK Semasa Tahun 2014 yang dikeluarkan oleh EPU iaitu RM930.00 bagi Semenanjung Malaysia, RM990.00 bagi Sarawak dan RM1,170.00 bagi Sabah dan Labuan. Penggunaan PGK Semasa Tahun 2014 ini telah digunakan dalam menentukan kelulusan permohonan Bantuan Am Persekutuan dan Bantuan Kanak-Kanak. Manakala skim bantuan lain kekal menggunakan PGK sedia ada kerana kadar kelayakan dinyatakan dalam kriteria khusus adalah lebih tinggi ataupun tidak berkait dengan kadar PGK Semasa Tahun 2014. Kadar bantuan bagi semua jenis skim juga telah dikaji dari semasa ke semasa sejak 1999 hingga kini.

Sebagai makluman Yang Berhormat, penyelarasan kadar bantuan kebajikan kali terakhir telah dibuat dan diumumkan melalui pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 lalu dimana Kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar Elaun Pekerja Cacat (EPC) daripada RM300.00 kepada RM350.00 sebulan, manakala Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja

(BTB) pula dinaikkan daripada **RM150.00** kepada **RM200.00** sebulan berkuat kuasa mulai Januari 2015 melibatkan penambahan peruntukan berjumlah **RM66 juta**. Oleh yang demikian pihak Kementerian belum bercadang untuk menaikkan kadar bantuan buat masa terdekat ini.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
DARIPADA [ BUKIT BENDERA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah Chromebook yang dibekalkan kepada sekolah dan kos yang terlibat.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebanyak 116,399 unit Chromebook telah diedarkan ke sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah projek Pembekalan Peralatan ICT Ke Makmal Komputer Secara Konsep Makmal Komputer Mudah Alih Menggunakan Perkakasan Notebook dengan Sistem Operasi Chromebook pada tahun 2013. Berdasarkan jumlah tersebut, penggunaan untuk pengajaran dan pembelajaran dalam makmal adalah 1:1. Kos projek ini meliputi pembekalan peralatan, perisian, perkhidmatan dan latihan iaitu sebanyak RM248 juta.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
DARIPADA [ BUKIT BENDERA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar sewa yang dikenakan ke atas kontraktor bagi penggunaan perkarangan sekolah untuk mendirikan menara 1BRIS.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Segala urusan berhubung kadar sewaan tapak dalam premis sekolah adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Ketua Pengarah dan Galian (JKPTG). Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengemukakan rayuan kepada JKPTG pada 26 Februari 2016 dan Kementerian Kewangan pada 30 Ogos 2016 untuk mengekalkan kadar sewa tapak 1BRIS (Fasa 1) sebanyak RM10 bagi satu tapak sebulan.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
DARIPADA [ BUKIT BENDERA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan dan peratusan guru sains yang mempunyai kelayakan ijazah sarjana, sarjana muda dan diploma, dipecahkan mengikut kategori sekolah rendah dan sekolah menengah.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan dan peratus guru Sains mengikut kelayakan akademik sehingga 30 September 2016 bagi sekolah menengah ialah Ijazah Kedoktoran 18 orang (0.1 peratus), Ijazah Sarjana Lanjutan 1,282 orang (6.0 peratus); Ijazah Sarjana Muda 19,295 orang (90.7 peratus), Diploma 416 orang (2.0 peratus) dan Sijil 266 orang (1.2 peratus).

Manakala bagi sekolah rendah, Ijazah Sarjana Lanjutan 351 orang (2.7 peratus), Ijazah Sarjana Muda 7,610 orang (58.6 peratus), Diploma 3,460 orang (26.6 peratus) dan Sijil 1,575 orang (12.1 peratus).

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
DARIPADA [ BUKIT BENDERA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian projek pembestarian sekolah SchoolNet yang dilangsungkan sebelum 1BestariNet dari segi :-

- (a) jumlah yang dibelanjakan sepanjang projek; dan
- (b) pencapaian projek tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jawapan bagi (a) dan (b)

SchoolNet adalah perkhidmatan internet yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Teknologi, Air & Komunikasi (KTAK) pada tahun 2003 untuk merangkaikan internet ke semua sekolah KPM. Peruntukan SchoolNet adalah menggunakan peruntukan KTAK.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah menjalankan kajian Impak Projek *SchoolNet* dan Peranan ICT dalam Pendidikan dengan kerjasama pihak pakar runting *Boston Consultant Group* pada tahun 2010. Susulan daripada itu, KPM menambah baik capaian internet KPM melalui 1BestariNet mulai tahun 2011 berdasarkan 22 inisiatif yang telah dikenal pasti berdasarkan hasil dapatan kajian tersebut. Inisiatif tersebut merupakan teras utama dalam merealisasikan hala tuju strategik pelaksanaan dan penerapan ICT dalam sektor pendidikan. Langkah tersebut selaras dengan hasrat kerajaan dalam program Peningkatan Kualiti Pelajar melalui inisiatif Transformasi Keberkesanan Penyampaian dalam Program Nasional RMKe-10.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
DARIPADA [ BUKIT BENDERA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan projek Enhancing School-based Learning Assessment in Science and Mathematics (ESBLA) yang dijalankan oleh Prestariang, termasuk kos dan skop yang terlibat.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan bahawa tiada keperluan untuk melaksanakan Program *Enhancing School-Based Learning Assessment In Science and Mathematics* (ESBLA) oleh Prestariang System Sdn. Bhd di sekolah kerana program yang dicadangkan adalah mirip dengan program sedia ada yang sedang dilaksanakan oleh KPM.

**SOALAN ( 188 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK  
[ TANJONG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilangan projek perumahan yang telah mengemukakan permohonan tetapi belum diluluskan Permit Iklan dan Lesen Pemaju (APDL) di negeri Pulau Pinang. Apakah masalah yang menyebabkan projek-projek tersebut tidak dapat diluluskan APDL sehingga hari ini.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tahun 2016 bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Ogos 2016, Kementerian telah menerima sebanyak 35 permohonan APDL baharu bagi projek pemajuan di Negeri Pulau Pinang dan 22 permohonan telah diberi kelulusan APDL. Baki 13 permohonan masih dalam peringkat pemprosesan kerana dokumen permohonan yang dikemukakan tidak lengkap.

Dalam hubungan ini, pihak Kementerian ingin menegaskan bahawa tidak timbul sebarang isu bagi pihak KPKT untuk meluluskan permohonan APDL bagi pemajuan di Negeri Pulau Pinang. Walaubagaimanapun, pemaju hendaklah memastikan dokumen-dokumen yang disertakan adalah lengkap dan teratur mengikut senarai semak atau garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NG WEI AIK [  
TANJONG ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pemilih baru yang telah didaftarkan bagi setiap suku tahun bagi setiap negeri selepas Pilihan Raya Umum ke-13. Apakah usaha-usaha yang akan diambil oleh SPR bagi memastikan pejabat-pejabat pos tidak menghadapi masalah kekurangan borang-borang pendaftaran sehingga ada di kalangan orang awam yang tidak didaftarkan sebagai pemilih baru atas alasan tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih baru yang telah direkodkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dari Pilihan Raya Umum Ke-13 hingga Daftar Pemilih Suku Tahun Kedua Tahun 2016 (ST 2/2016) adalah sebanyak 798,641 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, SPR dan Pos Malaysia Berhad sentiasa memantau dari semasa ke semasa bagi memastikan bekalan Borang Pendaftaran Pemilih (Borang A) yang disediakan adalah mencukupi untuk kegunaan Pejabat-pejabat Pos seluruh negara. Selain itu, SPR juga membuat perolehan Borang A dari semasa ke semasa dalam memastikan bekalan Borang A adalah mencukupi.

Dalam memastikan keberkesanan dan kelancaran terhadap pelaksanaan urusan pendaftaran pemilih oleh Pos Malaysia Berhad, SPR turut mengadakan Mesyuarat *Smart Partnership* dengan pihak Pos Malaysia Berhad dari semasa ke semasa untuk membincangkan isu berkaitan urusan pendaftaran pemilih.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]**

**SOALAN : 190**

**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kerajaan Persekutuan untuk menangani saman-saman AES (*Automatic Enforcement System*) yang telah dikeluarkan tetapi belum dibayar sehingga hari ini.

## **JAWAPAN**

Yang Berhormat,

Untuk makluman, bagi menggalakkan Orang Kena Saman (OKS) menjelaskan kompaun yang dikenakan, Kerajaan pada masa ini memberi peluang kepada OKS membayar kompaun yang lebih rendah menggunakan prinsip *the more you delay, the more you pay*. Potongan akan diberikan sekiranya saman dibayar dalam tempoh 01 hingga 15 hari iaitu pada peringkat pertama kadar kompaun, 16 hingga 30 hari pada peringkat kedua dan 31 hingga 60 hari pada peringkat maksimum untuk kesalahan-kesalahan tertentu termasuk kesalahan yang dikesan melalui kamera AES. Perkara ini dilaksanakan dengan hasrat untuk memberi kesedaran kepada orang awam untuk tidak melakukan dan mengulangi kesalahan jalan raya dan secara tidak langsung membantu meningkatkan tahap keselamatan jalan raya.